

KURSUS PENGURUSAN KEJURULATIHAN SUKAN TAHUN 2018



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3871-kursus-pengurusan-kejurulatihan-sukan-tahun-2018

KUALA LUMPUR, 7 Sept 18 - Cawangan Perkhidmatan - Seksyen Pembangunan Sukan TUDM telah menganjurkan Kursus Pengurusan Kejurulatihan Sukan bagi tahun 2018 pada 4 hingga 7 Sep 18 bertempat di Akademi Kecergasan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

Kursus ini merupakan satu bentuk kerjasama di antara Seksyen Pembangunan Sukan TUDM dan pihak Akademi Kecergasan Pertahanan UPNM bertujuan untuk memberi pendedahan, kemahiran baru dan meningkatkan pengetahuan para Pentadbir Sukan, Atlit serta Jurulatih Jasmani TUDM dengan metodologi kejurulatihan yang efektif.

Kursus ini telah disertai oleh seramai 25 x peserta yang terdiri daripada Pentadbir Sukan, Atlit serta Jurulatih Jasmani TUDM.

Majlis Penutup Kursus telah disempurnakan oleh YBhg Prof. Dato' Dr. Ahmad Mujahid bin Ahmad Zaidi, Penolong Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPNM.

Turut hadir ke majlis penutup ini adalah Prof. Dr. Mohar bin Kassim, Pengarah Akademi Kecergasan Pertahanan UPNM dan Kol Mohd Khair bin Shaari TUDM, Pengarah Perkhidmatan serta pegawai dan staf TUDM serta UPNM.



